



**ANTARA** pemenang Pertandingan Sabah Motivator Competition 3RD Batch 2016 .

UB 26.5.2016 B10

## Jhepa UMS anjur Pertandingan Motivator Sabah 3rd Batch 2016

**KOTA KINABALU:**Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah menganjurkan program Sabah Motivator Competition 3RD Batch 2016.

Seramai 40 penyertaan dari 3 IPTA/S sekitar Kota Kinabalu menyertai pertandingan yang diadakan di Bilik Seminar, Anjung Siswa, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS.

Pertandingan seumpama ini bertujuan untuk mengasah bakat-bakat terpendam pelajar UMS dan juga sekitar Sabah dalam bidang motivater. Motivater adalah satu kerjaya yang mendapat sambutan yang

sangat baik daripada semua peringkat umur.

Motivater ini disertai 40 peserta bengkel dan 18 yang bertanding sekitar Kota Kinabalu iaitu Asia Metropolitan Universiti Associated Campus (AMU), Asian Tourism International College (ATIC) dan Kolej Teknikal Yayasan Sabah (KTYS).

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, bakat yang ada pada pelajar ini harus diteruskan.

“Jangan terhenti di sini sahaja. Bersainglah secara sihat dan bagi yang tidak berjaya

boleh cuba pada tahun akan datang.

Pertandingan ini dianjurkan selama dua hari. Para peserta diberikan taklimat mengenai cara atau adab semasa pertandingan. Manakala pada hari kedua pertandingan dijalankan seawal pagi disebabkan penyertaan yang memberangsangkan.

Johan bagi Sabah Motivator Competition 3RD Batch 2016 dimenangi daripada Kolej Teknikal Yayasan Sabah (KTYS), Naib Johan daripada Universiti Malaysia Sabah dan tempat ketiga Kolej Teknikal Yayasan Sabah (KTYS).



**PESERTA** dan penganjur bergambar kenangan sempena pertandingan itu.